BAB EMPAT

GLOBALISASI PADA PERINGKAT AWAL PERADABAN JEPUN

4.1 Pengenalan

Apabila berbicara tentang globalisasi di Jepun, kita tidak dapat elak daripada membincangkan hubungan antara China dengan Jepun yang berlaku pada tahun 200 S.M. Ini kerana hubungan antara dua negara ini merupakan proses penting dalam pembentukan awal peradaban Jepun. Zaman Yayoi adalah merupakan zaman bermulanya kemasukan pengaruh China yang ketika itu di bawah Dinasti Han (206S.M-24T.M). Akibatnya masyarakat Jepun mula mengalami banyak perubahan seperti cara hidup yang berbentuk berburu bertukar kepada penanaman padi, wujudnya seni berkebun, membuat peralatan daripada logam serta membuat tembikar. H. Paul Varley di dalam bukunya, "*Japanese Culture*", menyatakan,

> *"About 300B.C the development of civilisation in Japan was greatly accelerated by the introduction of wet-rice agriculture and the use of metals from the continent. It is possible that the Japanese already practised rudimentary scratch farming and cultivated products such as nuts and potatoes. But not until they learned how they grow rice in irrigated fields-in the manner of*

the people of South China- they were transformed into true agriculturalists."[1]

Ini dapat memberi gambaran jelas tentang kemasukan pengaruh China di Jepun yang secara totalnya mengubah struktur sosial masyarakat Jepun. Ini termasuklah dari segi bahasa, tulisan dan agama iaitu Buddha dan Konfucius yang wujud di kalangan masyarakat Jepun pada masa kini adalah rentetan daripada kemasukan pengaruh tamadun China.

Menurut pendapat Eiichiro Ishida dalam bukunya '*Budaya Jepun: Kajian Tentang Asal Usul dan Ciri*' mengatakan unsur yang paling memberi impak adalah apabila agama Buddha diperkenalkan kepada masyarakat Jepun pada kira-kira tahun 550T.M. Hasilnya memberi kesan yang amat besar dalam perkembangan yang berlaku kemudiannya apabila agama Buddha diubah bentuknya oleh tradisi Jepun dan menjadi agama Jepun. Ajaran Konfucius pula telah berkembang di negara Jepun bukan sebagai satu agama yang berasingan tetapi sebagai falsafah politik dan sosial yang telah diterima apabila model pemerintah China diikuti.[2]

1. H. Paul Varley , ***Japanese Culture Short History***, (New York: Praeger Publishers, 1991), hlm. 4.
2. Eiichiro Ishida, (terj) Mokhtar Ahmad, *Budaya Jepun: Kajian Tentang Asal Usul dan Ciri* (Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn Bhd,1986), hlm.81.

Seterusnya proses interaksi antara China dan Jepun dijalankan tanpa sebarang halangan dan melalui peringkat yang mengambil masa yang agak panjang. Pada abad ke-7 interaksi antara China dan Jepun telah mencapai satu tahap yang membanggakan dan abad tersebut merupakan zaman kegemilangan tamadun China di Jepun. Walau bagaimanapun pada penghujung abad ke-9, pengaruh China mulai merosot. Oleh sebab itu, dalam disertasi ini hanya menekankan 3 zaman sahaja iaitu zaman Yayoi, zaman Nara dan zaman Heian, iaitu zaman yang boleh dikategorikan sebagai zaman pengenalan dan kemuncak peminjaman peradaban China.

4.2 Perubahan Politik

Pengenalan tanaman padi kepada masyarakat Jepun telah membawa banyak perubahan terutamanya dari segi politik. Perubahan ini boleh dilihat semenjak dari zaman Yayoi (300 S.M – 300 T.M.), ini kerana hierarki sosial mula wujud dan muncul puak-puak yang berpengaruh. yang mana setiap puak diketuai oleh seorang ketua Uji (kumpulan). Menjelang pertengahan abad ke-4M, muncul sekelompok puak dari bahagian Timur Honshu yang dikenali sebagai puak Yamato yang menunjukkan keunggulannya dari puak-puak yang lain. Puak Yamato telah menggunakan tentera, perkahwinan dan diplomasi untuk mendapatkan kuasa. Dengan ketiga-tiga cara ini puak Yamato telah muncul sebagai kuasa yang dominan. Ketua bagi puak Yamato yang dominan ini telah menuntut bahawa mereka berketurunan Dewi Matahari (Amaterasu)

dan mempunyai kuasa suci untuk memerintah. Akhirnya ketua puak Yamato ini bertindak sebagai Tenno (Maharaja Ketuhanan) dengan diberi kuasa pemerintahan agung dan ketua keagamaan.

Di dalam pentadbiran Maharaja Yamato menetapkan tugas dan tanggungjawab setiap Ketua Uji untuk menyusun jabatan mereka yang dipanggil Be; yang merupakan kumpulan-kumpulan orang yang diberi tugas untuk memberi perkhidmatan kepada maharaja Jepun dan juga di istana. Ketua Uji ini dilantik mengikut keturunan dan di bawahnya terdapat sub-sub ketua Uji.

Setiap Ketua Uji ini akan bertanggungjawab kepada tugas-tugas penting seperti ketenteraan, kesamian, pertanian, pertukangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan di istana. Contohnya puak Mononobe diberi tanggungjawab dalam sektor ketenteraan untuk melindungi istana dan keluarga Diraja, puak Soga pula perlu mengutip cukai, puak Nakatomi bertanggungjawab untuk berkomunikasi dengan 'kami' (Tuhan) dan menilik nasib (Oracles) kepada Maharaja. Tidak boleh dinafikan puak-puak ini memainkan peranan penting sehingga mereka sangat berpengaruh dan kadang-kadang kuasa mereka ini lebih tinggi daripada maharaja kerana maharaja bertindak sebagai boneka sahaja.[3]

3. Tsuboi Kiyotari, terj. Gina L. Barnes, ***Recent Archaeologycal Discoveries in Japan***, (Tokyo: The Centre For East Asian Culture Studies,1987), hlm.37.

Ketua-ketua puak bertindak sebagai Tenno (Maharaja Ketuhanan) dengan diberi kuasa pemerintah agung dan ketua keagamaan. Dari segi realiti, kuasa pada umumnya terletak di tangan keluarga bangsawan tersebut sebagai hirarki sosial dan politik yang hampir menyerupai sistem feudal awal di Eropah Barat yang berlangsung selama beberapa abad.[4]

Pertelingkahan juga sering berlaku apabila puak-puak Uji yang berpengaruh berebut kedudukan bakal pengganti raja dan kerapkali tindakan membunuh putera raja dilakukan untuk membolehkan puak uji yang bercita-cita tinggi mendapat pengaruh kuat di istana. Di sini kita boleh melihat pengaruh atau kuasa yang dimiliki oleh ketua-ketua uji.

Ini juga dapat memberikan satu gambaran yang jelas tentang sistem sosial masyarakat pada zaman Yamato (300 T.M-593 T.M) telah menjadi lebih kompleks berbanding dengan zaman sebelumnya. Dan tidak boleh dinafikan juga pada zaman Yamato telah wujud satu struktur politik yang teratur dengan bantuan puak-puak uji yang berpengaruh dan mempunyai satu ikatan yang kuat dengan raja. [5]

4. Tsuboi Kyutori, (terj.) Gina L. Barnes. ***Recent Archaeologycal Discoveries in Japan***, hlm.38
5. Edwin O. Reischauer, ***East Asia : The Great Tradition***, (London : Bouston, Houghton Mifflin, 1958), hlm. 458.

Manakala kerajaan pada zaman Nara (710-1185M) pula mengukuhkan wilayah Nara sebagai langkah utama ke arah mencipta pemerintahan bentuk baru. Sistem kerajaan Nara banyak mengikut kaedah Chang'an yang merupakan ibu kota Dinasti T'ang di China. Orang-orang Jepun telah membuat perbandingan ibu kota Chang'an dan Nara yang telah lahir dalam bentuk lama. Mereka juga mendapati bahawa pentadbiran ekonomi dan politik Jepun adalah terlalu sederhana dan tidak sesuai untuk sebuah ibu negara. Putera Maharaja akan tinggal di ladang persendirian mereka. Apabila salah seorang terpilih sebagai Maharaja, dengan sendirinya ia akan membina kediaman di ibu negara.

Oleh sebab itu, pada 710M, Maharani Gennyo telah mendirikan ibu negaranya yang tetap di Nara. Di bawah pengaruh keluarga Fujiwara, Nara menjadi pusat pentadbiran dan tempat perkembangan kesenian dan agama Budhha di Jepun.[6] Sistem kerajaan ini adalah berdasarkan peraturan zaman Yamato yang menjadikan pengaruh Maharaja seperti keluarga Maharaja China. Segala autoriti dan kekuasaan berada di tangan maharaja. Sistem ini telah diadakan sejak zaman Shotoku lagi dan maharaja dipanggil Tenno atau Maharaja Syurga. Ia merupakan suatu bentuk panggilan bagi orang-orang China terhadap raja mereka dan ia telah diseragamkan ke seluruh Jepun.

6. Edwin O. Reischauer, *Ibid*, hlm.459

Dengan adanya peminjaman dari institusi kerajaan China ini, kuasa maharaja sebenarnya semakin berkurangan berbanding sebelumnya. Apa yang nyata kuasa ini lebih didominasi dan dimanipulasikan oleh keluarga istana yang hebat.[7] Ini menjadikan perlantikan semua bahagian lebih-lebih lagi melalui undang-undang yang kebanyakannya dianggotai oleh ahli keluarga istana, sehinggakan upacara perayaan mereka menjadi ikutan ketua Shinto.

Pemerintahan maharaja Jepun pada masa itu, lebih tertumpu kepada corak pemerintahan Dinasti T'ang iaitu pemerintahan berbentuk organisasi logikal. **(Rajah A)**. Majlis negeri diketuai oleh menteri. Ia adalah diibaratkan sebagai Tuhan atau Dewa bagi menyiapkan upacara pemujaan maharaja. Di bawah majlis Negeri terdapat lapan menteri (sho). Ia termasuk kementerian perayaan, hubungan awam, hubungan popular, perang, keadilan dan perbendaharaan yang merujuk kepada enam menteri dalam sistem T'ang.

Dalam pentadbiran negeri, telah dibuat pembahagian tertentu berdasarkan pembahagian yang terdapat di negara China. Pada keseluruhannya, terdapat 66 kawasan yang dipanggil Kinki. Terdapat gabenor dan pegawai yang didatangkan daripada ibu negara untuk mengawal setiap kawasan. Manakala daerah dan unit kampung diketuai oleh Ketua Tempatan. Di samping itu,

7 Edwin O Reischauer, *East Asia : The Great Tradition*, hlm 485

penempatan bagi pengawal keselamatan yang berada di ibu kota juga diambil daripada sistem di China yang mana meletakkan lapan orang pengawal istana.

Walau bagaimanapun zaman Nara ini berakhir pada tahun 1185T.M. apabila ia digantikan dengan kerajaan Kamakura yang dipimpin oleh Yorimoto. Dalam tahun 1192, Yorimoto dilantik sebagai Sei-I-Taishogun dan beliau telah memainkan peranan penting dalam penubuhan keshogunan Kamakura. Dengan kata lain, Yorimoto sebenarnya telah menubuhkan sebuah kediktatoran tentera atau keshogunan yang pertama di Jepun. Dan selepasnya diikuti oleh zaman keshogunan Ashikaga dan Tokugawa.[8]

Sistem feudal mula diamalkan semasa zaman Kamakura. Sistem ini wujud disebabkan kewujudan ladang-ladang persendirian yang dipanggil Syo atau Shoen. Pertubuhan Syo telah memperlihatkan pemindahan kuasa dari kerajaan pusat (Maharaja) kepada tuan-tuan tanah di wilayah-wilayah.[9] Pertumbuhan sistem feudal juga dipercepatkan oleh kemerosotan golongan aristokrat dan kebangkitan kelas samurai atau Buke di wilayah-wilayah. Buke memberikan taat setia dan kepatuhan kepada Shogun Kamakura. Kewajipan mereka kepada Bakufu lebih diasaskan kepada aspek moral dan undang-undang.

8. M. Rajendran, *op.cit*, hlm. 15 dan 16
9. George Samson, *A History of Japan 1334-1615*, (London : The Cresset Press, 1961), hlm. 341

Di Jepun, sistem feudal tidak begitu berbeza jika dibandingkan dengan sistem feudal di Eropah. Walau bagaimanapun sistem feudal yang dipratikkan oleh Jepun agak berbeza. Pengaruh tamadun China yang banyak meresapi kehidupan masyarakat Jepun nampaknya tidak langsung memberi kesan ke atas sistem pemerintahan feudalisme yang diwujudkan. Sebaliknya pembaharuan Taika diketengahkan untuk mengatur dan membentuk kerajaan dan sistem feudal Jepun terbentuk tanpa pengaruh dan paksaan serta peniruan dari anasir luar.[10] Sistem feudalisme di Jepun diasaskan daripada sistem pemilikan tanah yang digelar Syo atau Shoen itu. Dan sistem feudalisme ini berterusan sehinggalah ke zaman Keshogunan Tokugawa (1602T.M. - !867 T.M).

4.3 Perubahan Ekonomi

Cara hidup baru telah wujud pada zaman Yayoi, iaitu daripada berburu kepada penanaman padi sawah sebagai aktiviti ekonomi yang asas dan utama. Manakala aktiviti berburu dan mengumpul hasil hutan menjadi aktiviti sampingan dan tertumpu di kawasan pergunungan.

10 *Ibid*, hlm. 338

Cara hidup dan pemikiran juga berubah secara drastik dengan teknik penghasilan padi yang dibawa masuk dari negara China Selatan. Ini kerana apabila sistem tanaman padi sawah diperkenalkan, maka banyaklah ilmu berkaitan penggunaan tanah diajar. Lebih banyak tanah yang dibuka untuk penanaman padi manakala teknik-teknik pengairan telah digunakan dengan meluasnya menyebabkan berlakunya lebihan dalam pengeluaran padi. Ini dijelaskan dengan kesan-kesan pembinaan pondok (gudang) oleh masyarakat Yayoi untuk menyimpan hasil tanaman yang berlebihan.

Kehidupan di zaman Yayoi tidak lagi seperti sebelumnya. Pertanian merupakan mata pencarian utama dan cara hidup umum bagi masyarakat Yayoi. Kehidupan mereka juga menjadi lebih teratur dan tersusun. Urusan pemilihan biji benih tanaman, waktu untuk memulakan tanaman, kawalan air dan sebagainya mula menjadi perkara terpenting dalam kehidupan seharian masyarakat Yayoi.[11] Sektor pertanian ini, secara keseluruhannya mengubah ekonomi masyarakat yang dulunya tertumpu kepada berburu dan mengumpul makanan itu kepada yang lebih terurus. Secara tidak langsung sektor ekonomi juga telah berjaya menyatukan kawasan di sebelah timur melalui perkahwinan dan penaklukan.

11. J.W. Hall, ***Japan From Pre History To Modern Times***, (Del Accortte, 1970), hlm. 5

Ini dibuktikan melalui gabungan gabungan dan penguasaan oleh puak secara besar-besaran dalam menjalankan pertanian, menguruskan ekonomi dan cara hidup mereka dengan bantuan sami-sami pada waktu itu. Dengan perkataan lain, ekonomi melalui penanaman padi sawah telah mewujudkan suatu struktur sosial yang amat berbeza jika dibandingkan dengan zaman-zaman sebelumnya. H. Paul Varley menerusi tulisannya, "Japanese Culture" menyatakan,

> "*In Yayoi times, the Japanese formed permanent farming communities and became differentiated into sosial classes.*" [12]

Pada abad ke-3, China sudah mempunyai teknologi mengadun logam dan antara barangan logam yang dihasilkan oleh masyarakat China adalah loyang, besi dan keluli untuk membuat cermin, senjata dan alat-alat bagi pertanian. Perhubungan yang terjalin di antara Jepun dan China telah menyebabkan ilmu penggunaan dan pembuatan logam diperkenalkan di Jepun. Mereka juga telah menggunakan alat-alat yang diperbuat daripada logam untuk kegunaan harian.

12. *Ibid*, hlm. 6

Oleh sebab itu, didapati simbol kekuasaan pemimpin-pemimpin Yamato diperbuat daripada alat-alat logam seperti cermin tembaga, pedang besi dan permata melengkung yang dikenali Magatama. Besi juga banyak digunakan untuk membuat peralatan pertanian dan senjata. H. Paul Varley menyatakan:

> *"Since knowledge of bronze and iron entered Japan almost simutaneously, the Yayoi people tended to employ the former for ornamental and the latter for practical purposes."*[13]

Kemahiran masyarakat Yayoi menghasilkan barangan daripada logam-logam ini telah meningkatkan hasil pendapatan mereka sehingga mereka mempunyai sistem sosial yang tersusun. Selain itu, masyarakat Yayoi juga mahir menghasilkan barangan daripada tanah liat seperti tembikar. Barangan tanah liat zaman ini berbeza dengan kebudayaan lain seperti di Indus kerana masyarakat Yayoi membentuk tembikar dengan tanah yang kemudiannya direka dengan berbagai-bagai corak di atas tembikar yang cukup menarik.

13. H. Paul Varley , *op.cit*, hlm. 5

Mereka mempunyai teknik dan kemahiran mengukir yang tinggi. Ini jelas daripada corak di atas tembikar yang diukir dengan lakaran yang baik dan penghasilannya lebih sempurna jika dibandingkan dengan zaman-zaman sebelumnya. Nama Yayoi itu sendiri wujud dari satu jenis periuk belanga tembikar yang direka pada waktu itu dan barangan tembikar ini telah dicirikan dengan garisan-garisan Inrus yang mudah dan kemas.[14]

Peminjaman dan peniruan pelbagai aspek yang datang dari peradaban China ini bukanlah hanya di zaman Yayoi sahaja. Ia terus berkembang sehinggalah zaman berubah dan beralih ke zaman yang berikutnya iaitu zaman Nara (710-784). Di zaman ini, aspek-aspek ketamadunan China yang lain termasuklah seni bina dan kesusasteraan telah mencapai perkembangan yang positif.. Zaman Nara menandakan kemuncak peminjaman tamadun China oleh masyarakat Jepun. Peminjaman daripada aspek ekonomi dan kebudayaan merupakan yang terbesar dan paling berpengaruh di Jepun.

14. Ahli-ahli arkeologi menyatakan mereka sudah mencapai nilai-nilai estetika yang tinggi berbanding dengan zaman neolitik dan lebih penting dijumpai tinggalan khazanah dari kubur yang berbentuk lubang kunci seperti barangan dari tanah liat seperti pepatung berupa pahlawan siap dengan baju yang bersenjata, patung berbentuk kuda. Dalam perkuburan kofun yang besar ini dapat dijumpai banyak lagi barangan dari tanah liat, logam, keluli, besi yang menandakan raja-raja pada masa Yayoi kaya dan masyarakat Yayoi memberi taat setia kepada raja. Di samping itu, mereka juga mempunyai kemahiran yang tinggi dengan menghasilkan kubur yang berbentuk lubang kunci yang besar sehingga mampu memuatkan banyak barang -barang logam dan barangan tanah liat dalam kubur tersebut. Sementara itu, besi juga digunakan untuk membuat peralatan senjata bagi tujuan berburu dan keselamatan.

Salah satu daripada bukti perkembangan ciri-ciri tamadun China di Jepun ialah dengan terbinanya Kota Nara pada awal abad ke-8. Ibu kota ini telah dibina berdasarkan struktur binaan dan corak seni binanya mirip kota Cha'ang, Dinasti T'ang. Semenjak itu, Nara menjadi kota persemayaman maharaja Jepun selama 80 tahun.

Di zaman Heian (784-1185T.M) ibu negara sekali lagi dipindahkan dari Nara ke Heian (Heian-Kyo) atau Kyoto. Namun orang-orang China masih memainkan peranan penting di Jepun. Hanya pada pertengahan abad ke-9, pengaruh kebudayaan China mula merosot di Jepun. Dan Ibu negara baru ini (Kyoto) telah menjadi pusat imperial selama hampir 1100 tahun iaitu sehingga Era Meiji.

Zaman Heian (784-1185TM) pula telah menyaksikan kemunculan kelas aristokrat iaitu pendominasian keluarga Fujiwara dari tahun 868-1160 yang digelar zaman Fujiwara. Pendominasian golongan ini menyebabkan sebahagian besar tanah telah dimiliki oleh mereka yang dianggap sebagai hadiah bagi perkhidmatan mereka melalui manipulasi politik. Tanah-tanah yang dimiliki oleh mereka dan biara-biara utama adalah bebas cukai. Para petani yang turut memiliki bidang-bidang tanah yang kecil pula yakin bahawa dengan memberikan sebahagian dari hasil keluaran mereka kepada golongan aristokrat tempatan mampu melindungi mereka daripada pemungut-pemungut cukai.

Golongan aristokrat yang lebih mementingkan keuntungan ini pula akan memberikan sebahagian daripada cukai mereka kepada golongan aristokrat di Kyoto atau biara-biara yang berpengaruh supaya mereka dilindungi dari pemungut-pemungut cukai yang dihantar oleh kerajaan pusat. Keadaan ini memberikan implikasi yang amat mendukacitakan kerajaan pusat. Kerajaan pusat akhirnya mengalami kemerosotan, sebaliknya kelas aristokrat menjadi bertambah kaya.

Sistem cukai dan pemilikan tanah ini juga sebenarnya pernah diamalkan oleh suku Yamato. Sistem ini berlangsung di ibu negara dan daerah-daerah selama kira-kira satu abad. Peniruan sistem ini dari China telah dikatakan sebagai satu percubaan yang berani. Pada waktu awal pemerintahan kerajaan T'ang, tanah–tanah pertanian dari segi teorinya dijadikan milik negara dan dibahagikan kepada petani-petani secara sama rata.

Langkah ini bertujuan agar setiap orang dewasa membayar kadar cukai yang sama banyak. Ini dijalankan dengan membayar hasil cukai tanah atau memberi sedikit tenaga atau memberi tenaga untuk kepentingan negara. Malah orang-orang Jepun menulis sistem itu ke dalam undang-undang yang dibuat mengikut perundangan China.[15]

15. Sakamoto Tara, (terj.) Bakri Siregar, ***Jepang Dulu dan Sekarang***, (Jakarta: Gadjah Mada University Press,1980), hlm 25

Sistem cukai yang dilaksanakan di Jepun mempunyai pertalian yang rapat dengan yang terdapat di negara China. Perbezaan yang nyata hanyalah dari segi penggunaan perkhidmatan tentera. Negara China memerlukan lebih ramai tentera bersesuaian dengan daerah pembatasan China yang panjang ditambah pula jiran-jirannya terdiri daripada orang-orang nomad yang suka berperang di sebelah utara.

Manakala tentera di Jepun terdiri daripada petani-petani di daerah-daerah besar yang menjalankan sistem cukai. Jadi, askar-askar yang terdiri daripada para petani ini tidak memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain selain menjadi tenaga buruh apabila diperlukan. Dalam zaman Heian telah berlaku satu pembaharuan besar yang dinamakan Pembaharuan Taika. Pembaharuan Taika[16] merangkumi pelbagai aspek seperti ekonomi, politik, sistem dan struktur pentadbiran, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya.

16. Pembaharuan ini diperkenalkan pada tahun 645 T.M oleh para pelajar Jepun yang mendapat pendidikan di negara China. Selepas kematian Putera Shotoku pada tahun 621 T.M, Jepun masih meneruskan hubungan diplomatik dengan negara China. Setelah tamat pengajian, para pelajar ini kembali semula ke Jepun. Mereka membawa bersama-sama cetusan idea mereka dalam aspek ilmu sains serta kesusasteraan sehingga munculnya satu pembaharuan yang dinamakan Pembaharuan Taika.

Dari aspek ekonomi, Pembaharuan Taika yang dibawa oleh pelajar telah mewujudkan sistem cukai yang seragam, membuat mata wang syiling serta menyelaraskan sistem ukur dan timbang pada tahun 702 T.M. Kesemua aspek tersebut adalah berdasarkan model Dinasti T'ang di negara China. Selari itu, pihak pemerintah mula meningkatkan kemudahan sistem pengangkutan negara demi membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Secara tidak langsung, pembaharuan yang dilakukan ini mampu memantapkan kedudukan ekonomi serta kewangan Jepun. Seperti mana yang dinyatakan:

> *"In fact, the most amazing part of the whole reform was this adoption of the highly complicated landholding and tax system of the early Tang, which called for the compilation of registers recording in detail the age and status of each individual and the use of each piece of agricultural land. This complex system was necessary because were assigned principally by head rather than by the amount of land farmed."*[17]

Pada kebiasaannya, satu sistem yang agak canggung atau tidak sesuai dengan sesuatu tempat dan budaya agak sukar untuk diterima oleh para penduduknya. Begitulah juga dengan sistem cukai ini. Dengan nyata ia bukanlah secara mudah atau dengan cepatnya dapat diterima di dalam negara yang sudah biasa dengan sistem uji.

---

17 Edwin O. Reischauer, ***East Asia:The Great Tradition***, (London. Bouston, Houghton Mifflin,1958), hlm.462.

Sistem ini tidak dinafikan telah dikuatkuasakan dengan jayanya walaupun bukan secara keseluruhan. Kejayaan yang diperolehi bukanlah diraih dengan mudah. Sebaliknya memerlukan rancangan dan strategi yang teliti agar tidak ditentang hebat oleh golongan tertentu khususnya para pemimpin uji. Sehubungan dengan itu, satu tindakan yang paling wajar perlu diambil untuk menjinakkan mereka. Pembaharuan Taika telah menganugerahkan geran diraja, hak mengusahakan tanah hakmilik mereka sendiri yang bebas cukai. Walau bagaimanapun, konsesi ini telah mewujudkan masalah yang besar dan serius kepada beberapa pemimpin Jepun pada zaman selepas ini iaitu dari zaman Kamakura sehinggalah ke zaman Tokugawa.

4.4 Perubahan Sosial

Hasil interaksi dengan China, telah menyebabkan Jepun mengalami perubahan yang nyata. Dari sudut sosial dapat dilihat perubahan dalam aspek kebudayaan, agama, kesusasteraan, tulisan dan juga kesenian di Jepun. Pengaruh China memang jelas dalam aspek-aspek tersebut yang meliputi dari zaman Yamato, Nara, Heian dan sehingga ke zaman seterusnya. Walaupun terdapat pembaharuan namun unsur-unsur dari China masih lagi dapat dikesan dalam aspek yang tertentu terutama dalam bidang kesusasteraan, tulisan dan juga kesenian.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Pada zaman Nara iaitu pada tahun 710-784 T.M., didapati penulisan sejarah atau histiografi merupakan salah satu daripada perkembangan pengaruh China di Jepun dalam aspek kesusasteraan. Seni tulis yang berasal dari negara China ini telah memberikan sumbangan yang besar kepada kesusasteraan Jepun. Menurut Roger Bersihand dalam bukunya "*Japanese Literature*" mengatakan pada zaman Nara terdapat dua hasil penulisan Jepun yang tertua.

Pertama, *Kojiki* iaitu rekod tentang hal-hal lama, dihasilkan pada tahun 712T.M. *Kojiki* ditulis pada abad ke-8 dan menggunakan unsur-unsur penulisan China. *Kojiki* mula dicipta dan diteruskan penulisannya ke akhir pemerintahan Maharani Suiko, 628 T.M. *Kojiki* ditulis dalam bentuk kanji (tulisan China) tetapi dibaca dalam sebutan Jepun.[18] Penyusunannya diarahkan oleh Maharaja Tenmu (673-686T.M.) dan ia disusun oleh Opo No Yasumaro dan siap pada 712 T.M dan terbahagi kepada tiga bahagian.

1. *Kamiyonomaki* : Kisah mengenai asal usul alam, syurga, bumi dan asal usul negara dan cerita berbentuk mitologi ini penuh dengan mitos dan dongengan.
2. *Kisah Maharaja Jinmu-Ojin* :Diceritakan tentang pemerintahan, kejayaan Maharaja serta hubungan kekeluargaan dan lokasi kubur.
3. *Maharaja Nintoku-Suiko* : Ia juga menceritakan tentang kejayaan pemerintah.

18. W. G. Aston, CMG, ***Nihongi: Chronicles of Japan From Earliest Times To AD 697***, (Tokyo: Charles E. Tuttle. Co., 1972), hlm 3.

Bidang penulisan juga telah berkembang dengan pesat pada zaman-zaman berikutnya terutama di kalangan samurai. Mereka telah mempelajari tulisan China dengan tatabahasa yang betul dan bernilai tinggi. *Kojiki* [19] juga memberi manfaat yang besar kepada para penyelidik dan sejarawan kerana melaluinya banyak yang boleh dipelajari khususnya mengenai sejarah Jepun. Walaupun *Kojiki* karya berbentuk sastera serta penuh dengan mitos, lagenda dan fantasi, namun ia tetap penting dari aspek sejarah. Penceritaan tentang maharaja disampaikan dalam bentuk puisi yang memberi jalan kepada sejarawan mengkaji masyarakat awal Jepun.[20]

Keduanya *Nihongi* atau *Nihonshoki* iaitu Sejarah Jepun yang ditulis pada tahun 720 T.M. *Nihonshoki* juga merupakan penulisan sejarah atau historiografi dan penulisan ini penting dalam usaha penyatuan Jepun. Atas usaha-usaha Toneri Shinno dan Onoyasumaru terhasil Nihonshoki dalam 30 jilid. Ia merupakan penulisan sejarah Jepun dalam zaman pemerintahan Jito Tenno 686-697T.M. Nihonshoki ditulis dalam gaya penulisan sejarah orang China dan telah berjaya diterbitkan pada tahun 720. Nihonshoki mengandungi banyak variasi daripada karangan lagenda hinggalah rekod-rekod yang lengkap bagi setiap pemerintahan dan setiap tarikh dengan tepat.[21]

---

19. Dalam karya Kojiki ini terdapat puisi-puisi seperti Kayo, Denwa dan Setsuwo yang merupakan puisi bentuk syair dan penceritaan. Penulisnya tidak diketahui dengan jelas kerana tidak dicatatkan sebarang nama pada setiap karya. Namun dipercayai kebanyakan penulisnya terdiri dari golongan bangsawan. Dengan ini jelas, pada peringkat awal penulisan adalah mirip kepada penulisan China.
20. Mardah Darsimah, ***Pengantar Kesusasteraan Jepang*** (Jakarta:Grasindo) 1992, hlm. 8.
21. *Ibid*, hlm. 10.

Selain itu, menurut Masao Yaku dalam bukunya "*The Kojiki In The Life Of Japan*", mengatakan *Kojiki* telah ditulis dalam bentuk yang boleh dibaca sejak 1200 tahun yang lalu semasa pemerintahan Maharani Gemmei 708 T.M.-714 T.M dan di zaman Nara pada tahun 710 T.M.-794 T.M.[22] Theodore de Barry dalam bukunya "*Sources Of The Japanese Tradition*" pula telah mengatakan penulisan sejarah asas yang hebat semasa awal Jepun ialah *Kojiki* dan *Nihongi* yang dihimpunkan lewat pada dekad pertama semasa abad kelapan apabila tulisan Jepun dipengaruhi oleh penulisan China. Ketika itu, penulisan sejarah merupakan suatu fungsi yang penting dalam kerajaan China dan sebagai hasilnya orang-orang China adalah ahli sejarah yang amat baik.

Oleh sebab itu, orang Jepun menganggap dirinya suatu empayar yang bermodelkan negeri China, dan sudah pasti mereka sendiri berkehendakkan suatu sejarah yang rasmi.[23] Karya Nihongi atau Nihoshoki dan Kojiki[24] merupakan dua karya sejarah tertua bagi Jepun yang merekodkan catatan mengenai Maharaja dan kehidupan seharian masyarakat Jepun terutamanya golongan atasan.

---

22. Masao Yaku, ***The Kojiki In The Life Of Japan***, (Tokyo: The Centre For East Asian Cultural Studies, 1969), hlm. 3
23. Edwin O Reischauer, (terj. Bakri Siregar), ***Jepun Dahulu dan Sekarang***,(Dewan Bahasa dan Pustaka:Kuala Lumpur, 1970), hlm.71
24. Ia juga merupakan usaha-usaha permulaan dan kedua-duanya merupakan karya yang sangat penting kerana ia adalah bahan sejarah yang boleh dipertanggungjawabkan dan meliputi masa selepas tahun masihi 400. Ia mengandungi tradisi sejarah dari zaman yang lebih awal yang menerangkan agak banyak tentang kepercayaan dan tentang aspek kemasyarakatan di Jepun sebelum mereka menerima kemunculan idea-idea atau fikiran dan institusi China yang lebih tinggi.

Menurut W.G Aston, *Nihongi* atau *Nihonshoki* adalah suatu yang klasik di Jepun. Ia melengkapi mengenai panorama atau rangkaian peristiwa semasa Jepun di awal pembentukan budayanya. *Nihongi* secara utamanya berkaitan dengan peristiwa semasa zaman Asuka 552-645 apabila agama Buddha dan kemasukan budaya yang maju di China memasuki Jepun.

Terdapat juga karya lain pada zaman Nara yang dinamakan sebagai *Fudoki*.[25] *Fudoki* merupakan kajian topografi yang memberikan maklumat mengenai topografi daerah awal dan hasil bumi di sesuatu tempat. Dalam tahun 713T.M, Maharani Gemmei telah menawarkan huraian mengenai wilayah yang diterangkan termasuk pertambahan dalam sejarah, senarai mengenai sumber ekonomi dan adat resam. Ia hanya tamat pada 726 dan dikenali sebagai *Izumo Fudoki*.

Selain itu, terdapat juga hasil karya kesusasteraan yang berbentuk puisi pada zaman Nara. Pada zaman itu, penduduk Jepun terlalu taksub dengan kebudayaan Dinasti Tang dan secara umumnya percaya kepada agama Buddha sebagai sumber keselamatan, namun begitu pandangan hidup dan adat kebiasaan yang khas bagi Jepun masih lagi mempengaruhi mereka. Pada zaman ini, terdapat penghasilan puisi yang dikenali sebagai *manyoshu*.

25. Pemerintah Gemmyo-Tenno pula, telah mengarahkan setiap daerah awal dan hasil bumi di sesuatu tempat dengan merekodkan nama tumbuhan, haiwan, lombong, sejarah, gunung dan lagenda tempatan seperti yang diceritakan oleh orang-orang tua. Rekod-rekod disiapkan dan dihantar kepada maharaja dan diberi nama *Fudoki*

Menurut Edwin O. Reischauer dalam bukunya yang telah diterjemahkan oleh Bakri Siregar dalam buku, "Manusia Jepang" mengatakan prestasi puisi pada tahap awal yang terbanyak adalah *manyoshu.*[26] Walaupun *manyoshu* memperlihatkan pengaruh China namun ia tetap mengandungi idea-idea signifikan yang mengekspresikan penghormatan terhadap sistem ketuhanan di Jepun. Ia juga tidak melupakan aspek-aspek kepercayaan di mana warisan masih lagi dijunjung.

Menurut R.H.P Mason dan J.G. Caiger, *manyoshu* dihasilkan pada 750T.M. Menurutnya lagi:

> *"The Manyoshu is Japanese in the vital sense that the language in which it was written was Japanese, a language quite different from Chinese in its structure. But since the Japanese had not yet evolved a script of their own, the verses were written in Chinese characters."*[27]

---

26. Ia merupakan sebuah antalogi yang memuatkan kira-kira 4,156 sajak peribumi Jepun yang dikumpulkan tidak lama sesudah tahun 759T.M dan ditulis suku kata demi suku kata dalam huruf Cina yang diguna secara fonetik. Bagi Tara Sakamoto pula dalam bukunya yang diterjemahkan oleh Sylvia Tiwon iaitu "Jepang dulu dan Sekarang" mengatakan *Manyoshu* merupakan antalogi yang terdiri dari lebih kurang 4500 sajak Jepun yang berasal dari zaman tersebut dan penyairnya terdiri daripada para kaisar dan juga orang biasa. Meskipun *Manyoshu* merupakan antalogi puisi Jepun yang tertua, namun puisi itu masih mempunyai daya untuk menyentuh hati orang-orang Jepun moden sekalipun.
27. RHP. Mason, J.G.Caiger, ***A History of Japan*** , (Tokyo: Charles E. Tuttle Company,1997), hlm.60

Ini menunjukkan bahawa *manyoshu* adalah suatu yang dapat dirasai, yang berhubung dengan kepentingan atau keperluan hidup yang mana bahasa yang digunakan untuk menulis adalah bahasa Jepun. Walaupun bahasa ini berbeza daripada segi struktur dengan bahasa China tetapi setiap rangkap yang ditulis adalah menggunakan karakter tulisan China.

Jelas di sini, memang terdapat pengaruh China dalam aspek kesusasteraan berdasarkan kepada antologi puisi *manyoshu*. Menurut Donald Keene dalam bukunya "*Landscapes and Potraits : Appreciation Of Japanese Culture*", mengatakan:

> *"The poets of the Manyoshu had used such familiar Japanese imagery as the swaying seaweeds in the ocean, the great ship one can trust in, the orarity of the mountain stream, but these are of typical of Chinese poetry."*

Dapat dilihat para seniman ini menggunakan tulisan China dalam Manyoshu iaitu koleksi peninggalan dalam jumlah yang besar (*Collection Of Myriad Leaves*) dengan menggunakan tulisan China tetapi dari segi bunyi mengikut cara bahasa Jepun.[28] Pada zaman Heian pula bermula pada pertengahan abad ke-9 T.M, perhubungan kebudayaan dengan negara China mula merosot di Jepun dan telah mengalami perubahan yang penting.

---

28 *Ibid*, hlm 70

Penekanannya bukan lagi ke atas peminjaman unsur-unsur kebudayaan yang baru dari negara China tetapi terhadap mengasimilasi dan menyesuaikan apa yang telah dipinjam daripada China supaya sesuai dengan hakikat dan citarasa tempatan. Mereka juga berusaha ke arah mencapai kematangan intelek. Sebagai tanda sikap yang telah berubah, hubungan rasmi dengan negara China telah ditamatkan pada 960 T.M

Dalam lain perkataan, dari zaman pertengahan zaman Heian, suatu imej baru telah diberi kepada kebudayaan Jepun dan ini dapat dilihat dalam aspek kesusasteraan yang meliputi penulisan puisi (*waka*)[29] dan karya berbentuk prosa seperti novel. Pada zaman ini juga penulisan puisi dan prosa dalam bahasa China sangat popular.

Semasa kekuasaan Michinaga terdapat beberapa orang pengarang wanita yang berbakat mencipta zaman emas kesusasteraan Jepun, khususnya bentuk *waka* iaitu sajak klasik yang terdiri daripada tiga puluh satu suku kata semakin maju sejak akhir abad ke-9. Pada abad ke-10 sejumlah sekumpulan *waka,* termasuk *Kokinshu* yang termasyhur telah dihasilkan.

29 Ini berlaku semasa pemerintahan kaisar Saga di mana kebudayaan bercorak T'ang berkuasa penuh di lingkungan istana. Pada masa inilah kumpulan-kumpulan puisi China mulai dikumpulkan atas perintah kaisar dan semua pintu gerbang pada bangunan-bangunan istana diberi nama-nama baru yang bergaya T'ang.

Penekanannya bukan lagi ke atas peminjaman unsur-unsur kebudayaan yang baru dari negara China tetapi terhadap mengasimilasi dan menyesuaikan apa yang telah dipinjam daripada China supaya sesuai dengan hakikat dan citarasa tempatan. Mereka juga berusaha ke arah mencapai kematangan intelek. Sebagai tanda sikap yang telah berubah, hubungan rasmi dengan negara China telah ditamatkan pada 960 T.M

Dalam lain perkataan, dari zaman pertengahan zaman Heian, suatu imej baru telah diberi kepada kebudayaan Jepun dan ini dapat dilihat dalam aspek kesusasteraan yang meliputi penulisan puisi (*waka*)[29] dan karya berbentuk prosa seperti novel. Pada zaman ini juga penulisan puisi dan prosa dalam bahasa China sangat popular.

Semasa kekuasaan Michinaga terdapat beberapa orang pengarang wanita yang berbakat mencipta zaman emas kesusasteraan Jepun, khususnya bentuk *waka* iaitu sajak klasik yang terdiri daripada tiga puluh satu suku kata semakin maju sejak akhir abad ke-9. Pada abad ke-10 sejumlah sekumpulan *waka,* termasuk *Kokinshu* yang termasyhur telah dihasilkan.

29 Ini berlaku semasa pemerintahan kaisar Saga di mana kebudayaan bercorak T'ang berkuasa penuh di lingkungan istana Pada masa inilah kumpulan-kumpulan puisi China mulai dikumpulkan atas perintah kaisar dan semua pintu gerbang pada bangunan-bangunan istana diberi nama-nama baru yang bergaya T'ang.

Penulisan novel pula telah dihasilkan semasa zaman Heian dan dapat dilihat berlakunya proses asimilasi dan penyesuaian di antara unsur-unsur China dengan kebudayaan Jepun yang sebenar pada zaman ini. Begitu juga golongan wanita di zaman Heian yang telah menulis beberapa hasil kesusasteraan Jepun yang boleh dianggap sebagai unik

Menurut Reischauer dalam bukunya "*The Story of A Nation*" berpendapat bahawa pada lewat abad ke-10 dan ke-11 merupakan zaman keemasan bagi perkembangan prosa Jepun. Hasil kesusasteraan yang luar biasa pada zaman ini ialah dengan terhasilnya sebuah novel yang bertajuk *The Tale Of Genji* yang ditulis oleh Murasaki Shikibu dalam abad kesebelas.

Novel ini juga merupakan sebuah roman panjang yang terdiri dari 54 bab yang berjudul Kisah Genji.[31] Novel ini terkenal kerana ia memberi penerangan yang jelas tentang pelbagai aspek kebudayaan dan kehidupan masyarakat Jepun pada zaman tersebut. Malahan novel ini dikatakan sebagai novel tertua di dunia yang pernah diterbitkan.

31. Murasaki Shikibu telah mengambil tokoh bangsawan sejati dengan melukiskan gambaran kehidupan istana dengan hubungan cinta antara lelaki dan wanita di sekitar bangsawan tersebut. Novel ini menceritakan tentang pengembaraan dan percintaan Putera Genji yang merupakan suatu tokoh khayalan.

Karya ini melukiskan dengan teliti, cemerlang serta penuh dengan kehalusan psikologi kehidupan istana yang hampir tidak berbeza dengan kehidupan istana China. Hal ini dijelaskan lagi oleh J. Thomas Rimer dalam bukunya "*Modern Japanese Fiction and Its Tradition An Introduction*", mengatakan karya *The Tale of Genji* adalah peniruan daripada hasil karya orang China.[32]

Ini jelas menunjukkan bahawa masih lagi terdapat pengaruh China dalam penulisan novel ini, walaupun ia lebih merupakan proses asimilasi atau penyerapan. Di belakang kehidupan istana yang penuh dengan peraturan adab dan tingkah laku yang tinggi serta halus dilukiskan dalam sastera abad ke-10 dan ke-11. Terdapat suatu perubahan yang mendalam yang telah mengubah begitu banyak sistem ekonomi dan politik hasil pinjaman dari China.

Pada abad ke-11 juga terdapat perkembangan penulisan naratif seperti *Kinjaku Monogatari* iaitu penyusunan cerita Buddhisme dan sejarah dari India, China dan Jepun. Ia ditulis dalam bentuk tulisan bercampur serta kana dan menjadi model penyusunan cerita-cerita Buddhisme dan sejarah pada masa kemudiannya.

---

32. Helen Craig Mc Cullough, ***Classical Japanese Rose:An Anthology*** (California:Stanford University Press,1990), hlm 4

Di samping itu, terdapat juga penulisan sejarah baru iaitu *Eiga Monogatari* dan *Okagami* pada abad ke-12 yang menggunakan kaedah biografi. Ini menunjukkan zaman Heian khususnya semasa Fujiwara, kesusasteraan Jepun menonjolkan ciri-ciri kejepunan yang nyata. Ini adalah ekoran daripada proses asimilasi atau penyerapan daripada pengaruh China. Pada zaman Kamakura pula terdapat hasil karya seperti *Heike Monogatari*.

Pada zaman Kesyogunan Ashikaga pula semasa Yoshimitsu, terdapat kesusasteraan lima biara. Ini kerana Yoshimitsu diilhami oleh "kuil rasmi" di Sung, China dan mendirikan sistem lima biara dengan menunjuk lima kuil Zen besar untuk memegang jabatan itu. Para pendeta lima biara ini menerima perlindungan rasmi dari bakufu dan menjadi penasihat bakufu dalam urusan politik dan diplomasi. Mereka juga mengkhususkan diri pada ilmu dari China dan mengembangkan kesusasteraannya sendiri.[33]

Bahasa Jepun jati adalah satu bahasa yang mengandungi banyak suku kata dalam satu perkataan. Perkataan dalam bahasa China mengandungi satu suku kata. Tata kalimat bahasa Jepun tidak ada persamaan dengan bahasa China.

33. Tara Sakamoto, *op.cit*, hlm. 32

Oleh itu, penggunaan tulisan ideograf China berkembang dengan perlahan sahaja di Jepun, namun ia tetap mempengaruhi tulisan di Jepun.[34] Namun begitu, dapat dilihat tulisan China ini telah diketahui oleh sesetengah orang di Jepun seawal kurun pertama Masihi lagi tetapi penggunaan rasmi tulisan ini diberi tarikh pada permulaan kurun kelima. Menurut Tara Sakamoto pula, huruf-huruf China yang disebut huruf Kanji dalam bahasa Jepun telah dikenal sejak lama dahulu. Ini kerana orang Jepun tidak mempunyai huruf sendiri, mereka menggunakan huruf China ini untuk menulis bahasa mereka.

Huruf-huruf kanji itu tidak hanya memungkinkan komunikasi bertulis tetapi juga membuka pintu bagi pengetahuan yang mendalam tentang kepercayaan Kong Hu Cu yang menjadi latar belakang rohaniah dari huruf-huruf kanji itu. Hal ini dapat dilihat pada zaman Yamato, iaitu menerusi Putera Shotoku yang telah mempelajari kepercayaan Kong Hu Chu dan agama Buddha secara mendalam. Ia melihat agama Buddha sebagai cara untuk memperhalus pandangan nasional dan untuk meningkatkan kebudayaan. Shotoku telah memberi kuliah kepada menteri-menterinya mengenai tulisan agama Buddha dan menulis berbagai catatan atas tulisan-tulisan itu yang masih terdapat hingga sekarang.

34. *Ibid*, hlm 9.

Tulisan tersebut seperti *Hokke Gisho, Yuimagya Gisho* dan *Shomangyo Gisho* yang merupakan catatan atas *Sutra –Teratai, Vimalakirti-nirdesa Sutra* dan *Srimaladevi-Simhanada Sutra* dan tulisan ini merupakan contoh tulisan yang tertua di Jepun yang bertahan sehingga sekarang. Selain itu, sistem tulisan serta banyak lagi perkataan dan rangkai kata yang digunakan setiap hari oleh orang Jepun bergantung kepada sutras-sutras Budhisme yang diterjemahkan ke dalam bahasa China.[35]

Pada zaman Heian 784-1185 telah berlaku proses perubahan. Ini berlaku pada pertengahan zaman Heian iaitu suatu imej baru telah diberi kepada kebudayaan di Jepun. Ia boleh dilihat dari segi perkembangan senarai tulisan Jepun atau kana. Salah satu bentuk kana ialah Haragana di mana sesuatu huruf adalah dalam bentuk berangkai. Bentuk tulisan yang satu lagi ialah katakana. Sistem Kana memberi rangsangan yang utama bagi perkembangan puisi (waka), prosa dan juga pertumbuhan kegiatan kesusasteraan dalam bahasa Jepun seperti sejarah, karangan dan lain-lain. Dalam aspek tulisan, bahasa Jepun merupakan satu bahasa yang mempunyai struktur fonetik yang mudah dan perkataan yang boleh diubah hujungnya.

35 *Ibid*, hlm 10

Sistem penulisan China pula berlainan sekali, ini memberi sedikit sebanyak kemungkinan untuk trankripsi fonetik atau infleksi. Oleh sebab itu bahasa China kekurangan infleksi dan dalam bahasa China Kuno pula perkataan cenderung kepada satu suku kata. Orang China mendapati bahawa mereka boleh menggunakan suatu sistem penulisan iaitu tiap-tiap satu perkataan diwakili oleh suatu lambang yang dipanggil ideograf.

Orang Jepun kuno berusaha untuk menulis bahasanya sendiri. Nama-nama khas dan puisi singkat dalam bahasa Jepun dieja dengan panjang dengan menggunakan satu huruf China secara fonetik untuk suku kata. Orang Jepun menulis dalam bahasa China klasik yang tidak bercampur aduk dan agak baik. Pada kurun ke-9 berlaku perubahan dalam tulisan di Jepun dan cara menulis dengan menggunakan bahasa Jepun telah wujud secara beransur-ansur dalam kurun ke-9 dan ke-10 melalui proses penggunaan huruf China yang tertentu.

Pada zaman ini juga, Jepun meminjam sistem penulisan China yang menggunakan huruf-huruf piktograf. Menjelang abad ke-9 dan ke 10, teks-teks China mula dibaca dengan menurut susunan perkataan Jepun. Pada abad ke-11, berlaku percampuran kana dengan huruf China dalam teks-teks yang ditulis dalam tulisan China di Jepun dan melalui penyelitan huruf-huruf China ke dalam teks Jepun.

Sistem penulisan China pula berlainan sekali, ini memberi sedikit sebanyak kemungkinan untuk trankripsi fonetik atau infleksi. Oleh sebab itu bahasa China kekurangan infleksi dan dalam bahasa China Kuno pula perkataan cenderung kepada satu suku kata. Orang China mendapati bahawa mereka boleh menggunakan suatu sistem penulisan iaitu tiap-tiap satu perkataan diwakili oleh suatu lambang yang dipanggil ideograf.

Orang Jepun kuno berusaha untuk menulis bahasanya sendiri. Nama-nama khas dan puisi singkat dalam bahasa Jepun dieja dengan panjang dengan menggunakan satu huruf China secara fonetik untuk suku kata. Orang Jepun menulis dalam bahasa China klasik yang tidak bercampur aduk dan agak baik. Pada kurun ke-9 berlaku perubahan dalam tulisan di Jepun dan cara menulis dengan menggunakan bahasa Jepun telah wujud secara beransur-ansur dalam kurun ke-9 dan ke-10 melalui proses penggunaan huruf China yang tertentu.

Pada zaman ini juga, Jepun meminjam sistem penulisan China yang menggunakan huruf-huruf piktograf. Menjelang abad ke-9 dan ke 10, teks-teks China mula dibaca dengan menurut susunan perkataan Jepun. Pada abad ke-11, berlaku percampuran kana dengan huruf China dalam teks-teks yang ditulis dalam tulisan China di Jepun dan melalui penyelitan huruf-huruf China ke dalam teks Jepun.

Hasilnya wujud tiga sistem tulisan yang berasingan di Jepun iaitu huruf China untuk teks-teks bahasa China, kana untuk puisi dan prosa, manakala yang terakhir ialah percampuran kana dengan tulisan China yang kini lebih menonjol dalam gaya penulisan Jepun moden. Dengan ini, jelas memang terdapat unsur tulisan China di Jepun.

Ini berdasarkan kepada pengaruh Buddhisme misalnya, dua suku kata Jepun berasal dari model percubaan sanskrit. Selain itu, hsistem tulisan serta banyak lagi perkataan dan rangkai kata yang digunakan setiap hari oleh orang Jepun bergantung kepada Sutras.[36] Dalam aspek kesenian Cina di Jepun, kita dapati kesenian dari negara China itu mengikuti ajaran Budhha. Agama Buddha dan seni Buddha telah dinaungi oleh Maharaja Shomu 724-749.

Ajaran Konfucius juga telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam nilai akhlak, muzik, tarian dan seni bina yang lainnya seperti gangsa, tanah liat, sampang, seni catan dan seni bina sangat dihargai oleh seniman Jepun yang telah meninggalkan karya yang memperlihatkan gaya China tetapi memiliki sifat Jepun.[37]

36. Edwin O. Reischauer, (terj.) Bakri Siregar)***Jepun Dahulu dan Sekarang,*** hlm. 28-38.
37. Eiichiro Ishida, (terj.) Mokhtar Ahmad, *Budaya Jepun: Kajian Tentang Asal Usul dan Ciri*, hlm. 82.

Di sini dapat dilihat, kesenian dan kemahiran diberi keutamaan misalnya oleh Putera Shotoku untuk menyatupadukan masyarakat Jepun terutama golongan atasan. Perhubungan luar pula berjaya dicapai dalam zaman Nara. Ia merupakan aspek terpenting dalam kemajuan kebudayaan yang dialami oleh Jepun. Keupayaan untuk menyerap serta mengasimilasi kebudayaan serta teknologi asing berjaya membantu memantapkan apa yang dimiliki. Dalam aspek kesenian China di Jepun ia meliputi aspek seni bina, seni muzik, drama, seni lukis dan tarian.

Selain itu, kemasukan agama Budhha juga telah membawa unsur kesenian dan pertukangan China. Rumah-rumah berhala merupakan seni bina yang tinggi mutunya dan tempat menyimpan patung-patung dewa Buddha yang dibuat daripada gangsa dan kayu yang cantik. Pada awal kurun ke-8 terdapat pembinaan kota yang mengikut contoh Chang'an. Kota ini terdapat di Nara iaitu tempat persemayam Maharaja Jepun selama 80 tahun.[38] Dalam masa yang singkat, kuil-kuil Buddha yang besar, istana dan tempat kediaman telah dibina di Nara. Kini orang Jepun berusaha mendirikan ibu negeri yang boleh menandingi Chang'an yang merupakan ibu negeri kerajaan Tang.

38. Edwin O Reischauer, *op. cit*, hlm. 27.

Peniruan Jepun yang pertama terhadap Chang'an dibuat dalam tahun 710 T.M. berdekatan dengan Pekan Nara di Dataran Yamato. Dalam tahun 794 T.M., kota kedua telah didirikan di Kyoto, beberapa batu ke utara Nara.[39] Semasa pemerintahan Kaisar Shomu iaitu pada zaman Nara terdapat keindahan dalam hasil-hasil seni pahat gaya Buddha. Hasil-hasil karya dari zaman ini dapat dilihat di kuil-kuil agung di Nara. Kuil-kuil ini mengagumkan kerana kemahiran seni Jepun telah mengambil alih teknik T'ang dan membentuknya menjadi sesuatu yang khas di Jepun.

Seni Buddha dikatakan memainkan peranan dalam bidang ini. Terdapat bangunan-bangunan kuil seperti *Taima-Dera, Yukushi Ji* dan *Toshodai* telah dibina pada tahun 738T.M. Patung-patung dan imej Buddha juga telah banyak dihasilkan. Maharaja Shomu telah memerintahkan pembangunan kuil dan biara di 60 wilayah.

Sebuah monastri agung dikenali "Agung di Timur", *Todaiji* telah dibina pada tahun 738 T.M., tempat ini menyimpan patung Budhha Vairocana yang sangat besar. Kuil-kuil itu masih terdapat di seluruh Jepun dan dikenali sebagai *Kokubunji* dan Budhha Agung dari Nara iaitu patung raksaksa yang lebih dari 15 meter tingginya.[40]

---

39. Tapak kotanya mempunyai tiga batu lebar dan panjangnya tiga setengah batu. Ia kekal sebagai ibu kota diraja Jepun hingga tahun 1868 dan jalan-jalan besar bercorak papan catur, bandar Kyoto hari ini memperlihatkan kota yang berunsur Cina dibina 1000 tahun yang lalu.
40. Tara Sakamoto, *op cit*, hlm. 14.

Pada zaman Yamato, iaitu semasa pemerintahan Shotoku, terdapat seni bina yang masyhur seperti kuil Hokoji di Asuka, Shitennoji di Osaka dan Horyuji di Ikaruga. Kuil Horyuji merupakan sebuah kuil kayu yang tertua di Jepun dan dibina dalam tahun 607 T.M. Zaman Nara juga menampakkan pembinaan Daibutsu (Patung Buddha) yang termasyhur.

Terdapat juga sebuah stor yang luar biasa dinamakan *Shoso-in*, mengandungi kumpulan perabut, barang perhiasan dan harta kepunyaan peribadi yang digunakan oleh keluarga Maharaja pada kurun ke-8. Pada zaman Kamakura juga terdapat beberapa orang ahli pahat terkemuka seperti Kokei, Unkei dan Tankei mencipta karya-karya besar yang berupa patung keagamaan dan juga patung manusia biasa.

Dalam aspek drama, didapati ada unsur atau pengaruh dari China. Drama klasik yang dikenali sebagai drama No telah mendapat tempat pada zaman Ashikaga. Persembahan drama No ini berkenaan dengan Tuhan Shintoisme, patung-patung Buddha dan sejarah keduniaan yang berasaskan kepada konsep Buddhisme. Drama tersebut memberikan contoh yang baik tentang kemurnian dan disiplin dalam kesusasteraan Zen. Menurut Royal Tyler dalam bukunya *"Japanese No Dramas'* mengatakan teater atau drama No di Jepun adalah satu pencapaian tamadun yang hebat. Kebudayaan zaman Ashikaga merupakan

kebudayaan Zen, iaitu adalah campuran di antara kebudayaan tempatan dengan kebudayaan dari negara China.

Sami-sami Zen juga telah memperkenalkan kembali penggunaan bahasa China tulen sebagai bahasa persuratan yang penting dan pada waktu yang sama mereka telah mempelopori drama tulen Jepun yang pertama iaitu Drama No. Tujuan penting drama ini ialah mengajar tentang pengertian agama Budhha.[41] Drama No juga merupakan satu karya klasik dalam bentuk teater di Jepun. Ia menjadi masyhur di kalangan golongan aristokrat dan bangsawan tempatan.

Namun, pada zaman sekarang terdapat drama yang memaparkan cerita-cerita popular yang dikenali sebagai *Otogizoshi* dan komedi *Kyogen*. *Otogizoshi* merupakan cerita-cerita pendek sederhana yang didasarkan atas kehidupan orang biasa. *Kyogen* pula merupakan adengan lucu yang mengandungi kritik yang dipertunjukkan sebagai selingan dalam drama No yang serius. Banyak di antara *Kyogen* itu mengkritik para daimyo dan pendeta dari sudut pandangan rakyat biasa. Drama No juga merupakan perkembangan dari bentuk sarugaku, drama bisu yang bersifat jenaka digabung dengan unsur-unsur dari berbagai bentuk drama yang lain.

41. *Ibid*, hlm.70

Dalam aspek seni muzik, terdapat juga pengaruh dari China. Seni muzik ini meliputi dalam aspek nyanyian dan tarian. Kita boleh menemui lagu atau muzik berdasarkan karya *Kojiki* dan *Nihonshoki* iaitu *Kayo*. Terdapat pelbagai jenis lagu atau muzik, sekurang-kurangnya telah tersebar luas di Jepun pada abad ke-3. Menurut rekod yang dibuat oleh sarjana China, nyanyian dan tarian ada dipersembahkan semasa pengebumian di negara Wa (Jepun).

Amalan menyanyi semasa upacara pengebumian terdapat di kalangan penduduk primitif. Jelas di sini, menunjukkan terdapatnya amalan nyanyian dan tarian yang wujud semasa pemujaan atau penyembahan dengan diiringi oleh muzik seperti gendang, seruling dengan membawa panji-panji, di samping menyanyi dan menari. Ini dapat dibuktikan melalui kenyatan ini.[42]

> *"The Goddess Izanagi in giving birth to the five gods, was burned, and so she passed away. Thus she was laid to rest in the village of Arima in Kumano, in the province Ki. The local people honor the memory of her divine spirit, and when the trees Bloom they offer up flowers to her. They also honor her by playing drums and flutes carrying banners, singing and dancing."*

42. Jin'inchi Konishi, *A History Of Japanese Literature, Vol. 1: The Archaic and Ancient Ages*, (New Jersey : Princeton University Press, 1984), hlm. 13.

Dalam aspek seni lukis, didapati juga pelukis Jepun menggunakan teknik yang dipelajari dari China. Dalam hal ini, mazhab Zen mempunyai pengaruh yang agak besar dalam seni lukis Jepun, terutamanya ketika di zaman Kamakura kerana Zen menekankan keperluan mencapai kesatuan dengan alam semulajadi dalam sesuatu lukisan. Oleh yang demikian seni lukis pemandangan alam semulajadi sangat berkembang.

Begitu juga halnya dengan lukisan potret dan lukisan peristiwa-peristiwa sejarah di atas gulungan kertas atau e-makimono telah dipopularkan dalam era Kamakura. Bidang seni lukis ini juga berkembang pada zaman Ashikaga. Sami-sami Zen yang tinggal di gua mempunyai perhubungan yang rapat dengan alam dalam kehidupan sehari-hari. Mereka mempunyai minat yang penuh terhadap lukisan pemandangan alam *monochrome* bentuk China yang mungkin menandingi kemahiran pakar-pakar dari China sendiri.

Di samping itu, lukisan tinta monochrome juga mengalami kemajuan besar di bawah pengaruh Buddha Zen. Seni ini juga, dikenali sebagai *Suiboku-ga* dan dimasukkan ke Jepun sejak zaman Sung dan Yuan di China. Sesshu, seorang pelukis Jepun di sekitar zaman perang Onin pergi ke China untuk belayar, sekembalinya dia telah memperkembangkan seni tinta monochrome di Jepun. Kano Masanobu dan anaknya Motonobu menciptakan gaya baru yang

mencantumkan corak lukisan China dan Yamato-e yang menjadi dasar bagi aliran kano yang terkenal itu.[43]

Selain itu, dapat dilihat juga, bidang seni lukis tampil dengan gaya Yamato yang menggunakan teknik Jepun, yang mampu menyaingi lukisan gaya China. Gambar gulung yang berkembang sekitar abad ke-11 itu merupakan bentuk khas yang berkaitan erat dengan perkembangan Yamato. Misalannya lukisan pada kertas yang bergulung menggambarkan sejarah sebuah kuil atau peristiwa dalam medan perang.

43 *Ibid*, hlm 15